

UMS giat berusaha capai taraf universiti penyelidikan

OLEH MARRYAN RAZAN (marrayan@newsabahtimes.com.my)

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) kini giat berusaha mencapai taraf universiti penyelidikan menjelang tahun 2013, kata Naib Canselornya Prof Datuk Dr. Kamaruzaman Hj. Ampun. (gambar).

Beliau berkata, bagi merealisasikan impian itu, UMS perlu meningkatkan bilangan pelajar serta graduan Pasca Ijazah untuk tahun-tahun akan datang.

Oleh itu katanya UMS sentiasa memastikan segala kelengkapan dan kemudahan yang disediakan memenuhi keperluan dan piawaian terkini untuk melancarkan setiap penyelidikan yang dijalankan para pelajar.

"Saya merayu kepada siswa-siswi pascasiswazah supaya dapat memanfaatkan segala peluang dan kemudahan yang tersedia agar mampu mencipta

keputusan cemerlang apabila tamat pengajian kelak selain dapat membantu universiti mencapai matlamatnya," katanya.

Beliau berkata dalam teks ucapannya sempena Majlis Ikrar Pelajar dan Amanat Naib Canselor kepada Pelajar Baru Pascasiswazah UMS, di Dewan Resital, di universiti itu, di sini, kelmarin.

Teks ucapannya dibacakan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Amran Ahmad.

Dr. Kamaruzaman berkata, dalam usaha mendapatkan status universiti penyelidikan, UMS tidak mengabaikan kualiti akademik dan penyelidikan di kalangan pelajar.

"Pihak universiti sentiasa berusaha memperkasakan pengajian Pascasiswazah UMS melalui pemantauan terhadap kualiti akademik pelajar.

"Kita juga mengadakan pelbagai pendekatan agar mampu menarik lebih

ramai calon pelajar melanjutkan pengajian seterusnya meningkatkan bilangan pelajar Pasca Sarjana," katanya.

Katanya lagi, dalam usaha ini UMS memberikan peruntukan dana setiap tahun iaitu sebanyak RM1 juta bagi tujuan penganugerahan biasiswa kepada para pelajar pascasiswazah yang layak.

"Setakat ini UMS mempunyai kerjasama tajaan dan biasiswa dengan pihak Kementerian Pengajian Tinggi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), biasiswa daripada pelbagai kerajaan negeri, badan-badan berkanun, swasta dan juga badan bukan kerajaan," katanya.

Dr. Kamaruzaman berkata, bagi mencapai sasaran universiti untuk memiliki 75 peratus daripada jumlah pensyarah yang mempunyai Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) atau setara dengannya, Jabatan Pendaftaran UMS juga sentiasa bekerjasama erat dengan pihak

Pusat Pengajian Pascasiswazah.

"Ini adalah sebahagian daripada usaha kita untuk menggalakkan para pensyarah UMS melanjutkan pengajian di peringkat Ph.D, seterusnya mencapai sasaran universiti," katanya.

Beliau berkata bagi memperkukuhkan penyelidikan dan mempergiatkan inovasi, UMS sentiasa berusaha memupuk sikap bergiat aktif dalam aktiviti yang menggalakkan inovasi di kalangan pelajarannya.

"Malah, di bawah pemantauan Pusat Pengajian Pascasiswazah, UMS telah memperuntukkan sejumlah wang bantuan iaitu di bawah Anggaran Belanja Mengurus Pascasiswazah untuk memberikan peluang kepada para pelajar menyertai dan membentangkan penyelidikan mereka dalam seminar, bengkel atau persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

"Saya percaya, melalui kemudahan seumpama ini, budaya perkongsian ilmu melalui penyelidikan dan inovasi dapat diterapkan di kalangan para pelajar Pascasiswazah," katanya.

Selain itu katanya para pelajar juga diberikan kemudahan sokongan seperti makmal penyelidikan, bilik komputer, pusat sumber dan pelbagai prasarana yang lain untuk menjalankan kajian dan penyelidikan dalam bidang-bidang tertentu.

